Kempen Auto-billing

TEMPOH KEMPEN

"**Kempen Auto-billing**" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") akan bermula pada 1 April 2018 jam 23:59:59 (11:59 malam waktu Malaysia) dan berakhir pada 30 Jun 2018 jam 23:59:59 (11:59 malam waktu Malaysia) termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT
Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Kempen ("T&C")

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Utama Kad Kredit HLB yang tidak dikecualikan daripada menyertai Kempen ini seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2 di bawah ("Pemegang Kad")

2. Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
   a) Pemegang Kad yang Kad Kredit HLB dikeluarkan di luar Malaysia;
   b) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB yang sah dan/atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit bermasalah;
   c) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

TATA CARA

3. Pemegang Kad layak untuk 10% Pulangan Tunai dan/atau Peraduan ("secara kolektif dirujuk di sini sebagai Tawaran") semasa Tempoh Kempen dengan memenuhi kriteria berikut:

   (a) 10% PULANGAN TUNAI ("Pulangan Tunai")

   (i) Pemegang Kad layak untuk 10% Pulangan Tunai ("Pulangan Tunai") atas pendaftaran baru pertama (1) Auto-billing mereka (rujuk kepada Klausa 6 di bawah) untuk setiap Peniaga Ditetapkan (rujuk Fasal 5 di bawah) yang berjaya didaftarkan dan dipaparkan ke dalam akaun Kad Kredit HLB akaun Kad Pemegang Kad semasa Tempoh Kempen ("Pemegang Kad Layak").

   (ii) Pulangan Tunai Rebat dihadkan kepada maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) sahaja bagi setiap Pemegang Kad Layak semasa Tempoh Kempen, berdasarkan siap cepat, dia dapat. Bagi mengelakkan kekeliruan, Pemegang Kad Layak boleh mendaftar lebih

daripada satu Peniaga Ditetapkan untuk Auto-billing pada setiap Bulan Layak (digambarkan dalam jadual di bawah).

(iii) Pulangan Tunai dihadkan pada maksimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) untuk setiap Bulan Layak dan jumlah maksimum peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini dihadkan kepada Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Ribu (RM90,000), berdasarkan, siapa cepat dia dapat. Bagi mengelakkan keleliruan, sebarang Pulangan Tunai yang tidak digunakan untuk setiap Bulan Layak akan dibawa ke depan dan terkumpul pada Bulan Layak berikutnya.

Jadual Ilustrasi : Had Pulangan Tunai dan Bulan Layak:

No.	Bulan Layak	Had Pulangan Tunai untuk setiap Bulan Layak
1	1 April – 30 April 2018	RM30,000
2	1 Mei – 31 Mei 2018	RM30,000
3	1 Jun – 30 Jun 2018	RM30,000
Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai		**RM90,000**

(iv) Bagi Pemegang Kad Layak yang memegang lebih daripada satu Kad Kredit HLB, Auto-billing yang dibuat menggunakan setiap Kad Kredit HLB akan digabungkan untuk pengiraan Pulangan Tunai. Bagi mengelakkan kekeliruan, Auto-billing yang dibuat oleh Pemegang Kad tambahan akan juga digabungkan dengan Pemegang Kad Utama untuk pengiraan Pulangan Tunai.

(v) Pemegang Kad Layak dikehendaki mendaftar dengan Auto-billing pada platform yang disediakan oleh Peniaga Ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5 di bawah mengikut cara yang ditentukan oleh Peniaga Ditetapkan. Langganan untuk bayaran berulang pada JomPay dan perbankan dalam talian Hong Leong atau mana-mana platform lain yang tidak dikendalikan oleh Peniaga Ditetapkan tidak akan dianggap sebagai layak.

(vi) Pulangan Tunai akan dikira dan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit HLB Pemegang Kad Layak dalam tempoh enam (6) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Adalah pada asasnya menjadi obligasi Pemegang Kad Layak untuk memaklumkan HLB sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen, jika tidak Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang rayuan atau permintaan untuk bayaran kembali Pulangan Tunai tidak akan dilayan oleh HLB.

(vii) Pemegang Kad Layak akan diberitahu dengan cara memaparkan senarai Pemegang Kad Layak di laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dalam tempoh enam (6) minggu selepas tamat Tempoh Kempen ("Pemberitahuan").

(viii) HLB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam penghantaran sebenar Auto-billing dan/atau Pulangan Tunai yang diperolehi.

(ix) HLB tidak berkewajipan untuk memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai mencapai peruntukan maksimum Pulangan Tunai untuk setiap Bulan Layak (iaitu RM30,000) dan jumlah peruntukan Pulangan Tunai maksimum bagi Kempen ini (iaitu RM90,000).

(b) PERADUAN AUTO-BILLING ("Peraduan")

(i) Pemegang Kad layak untuk menyertai Peraduan Auto-billing ("Peraduan") dan berpeluang untuk memenangi Hadiah Peraduan (seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah) dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan di sini semasa Tempoh Kempen ("Peserta Layak").

a) Berjaya mendaftarkan Auto-billing baru (rujuk kepada Klausa 6 di bawah) daripada mana-mana salah satu daripada Peniaga Ditetapkan (rujuk Klausa 5 di bawah); dan

b) Melakukan jumlah minimum terkumpul sebanyak Ringgit Malaysia Enam Ratus (RM600) bagi Auto-billing dari satu atau lebih Peniaga Ditetapkan dalam Tempoh Kempen.

Tempoh Kempen	Bil. Pemenang Peraduan	Hadiah Peraduan
1 April - 30 Jun 2018	15	Nespresso Inissia

(ii) Setiap Peserta Layak hanya berhak memenangi satu (1) Hadiah Peraduan sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

(iii) Pemegang Kad Layak yang memegang lebih daripada satu Kad Kredit HLB, Auto-billing dibuat menggunakan setiap Kad Kredit HLB akan digabungkan untuk pengiraan bagi minimum RM600 seperti yang dinyatakan dalam Klausa b (i) (b) di atas. Bagi mengelakkan kekeliruan, Auto-billing yang dibuat oleh Pemegang Kad tambahan akan juga digabungkan dengan Pemegang Kad Utama untuk pengiraan bagi minimum RM600 yang dinyatakan dalam Klausa b (i) (b) di atas.

PEMILIHAN PEMENANG PERADUAN

(iv) Seramai lima puluh (50) Peserta Layak akan disenarai pendek berdasarkan sistem pemilihan rawak berkomputer ("Peserta Layak

Disenarai Pendek"). Peserta Layak Disenarai Pendek akan dihubungi oleh HLB atau pengurusan peraduan yang dilantiknya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136.574-V) ("Dynamic Search") bagi sesi soal dan jawab ("Q & A") untuk menjawab dua (2) soalan.

(v) Lima belas (15) Pemegang Kad Layak Disenarai Pendek yang menjawab 2 soalan dengan betul dalam masa yang paling cepat semasa sesi Q & A akan menjadi pemenang Hadiah Peraduan ("Pemenang Peraduan"). Sekiranya berlaku seri, iaitu lebih daripada lima belas Peserta Layak Disenarai Pendek berjaya menjawab 2 soalan dengan betul dalam kiraan masa yang sama, lima belas Peserta Layak Disenarai Pendek dengan jumlah tertinggi kewangan dicaj ke atas semua Bil yang didaftarkan akan menjadi Pemenang Peraduan.

(vi) Adalah asasnya menjadi tanggungjawab Pemegang Kad untuk memberikan, nombor telefon mudah alih mereka yang terbaru sah dan betul dan HLB mahupun Dynamic Search tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLB atau Dynamic Search tidak boleh menghubungi Peserta Layak Disenarai Pendek bagi apa-apa sebab sekalipun.

(vii) Sekiranya Peserta Layak Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) cubaan pada hari yang sama bagi apa-apa sebab sekalipun dan/atau Peserta Layak Disenarai Pendek ingin menarik diri daripada Peraduan apabila dihubungi oleh wakil HLB, beliau akan dibatalkan daripada menyertai Peraduan ini.

(viii) Pemenang Peraduan akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkannya senarai Pemenang Peraduan di laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") antara enam (6) hingga lapan (8) minggu dari 30 Jun 2018 ("Pemberitahuan"). Peserta Layak Disenarai Pendek yang namanya tidak terdapat dalam senarai Pemenang Peraduan akan dianggap TIDAK layak untuk Hadiah Peraduan.

(ix) Hadiah Peraduan akan dihantar ke alamat bil Pemenang Peraduan antara enam (6) hingga lapan (8) minggu dari bulan 30 Jun 2018. Pemenang Peraduan yang tidak menerima Hadiah Peraduan dalam tempoh lapan (8) minggu dari 30 Jun 2018 perlu menghubungi pusat panggilan HLB di 03-76268899 selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2018, jika tidak, beliau akan dianggap telah dilucut hak Hadiah Peraduan dengan sewajarnya. HLB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa Hadiah Peraduan yang dituntut atau kelewatan oleh Pemenang Peraduan untuk menuntut Hadiah Peraduan. HLB tidak akan melayan sebarang tuntutan ketidakterimaan Hadiah Peraduan oleh Pemenang Peraduan selepas 31 Ogos 2018.

(x) Adalah menjadi tanggungjawab setiap Pemenang Peraduan untuk memberikan alamat bil terkini dan tepat kepada HLB. HLB tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya HLB tidak dapat untuk menyampaikan/menghantar Hadiah Peraduan kepada setiap Pemenang Peraduan, atas apa jua sebab.

(xi) Pemenuhan dan penghantaran Hadiah Peraduan akan disediakan dan disokong oleh pembekal perkhidmatan pemenuhan sah HLB, PCM Perfect Marketing Sdn Bhd ("PCM"), yang boleh dihubungi di talian 03-6280 1212 atau Talian Khidmat Pelanggan: 1300-80-0133 (9:00 pagi - 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat). Sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah Peraduan ke alamat alternatif selain daripada alamat bil Pemenang Peraduan tidak akan dilayan.

(xii) Peraduan Hadiah diberikan dalam keadaan 'sebagaimana adanya' dan HLB tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan bagi sebarang kehilangan, koyak, atau kerosakan Hadiah peraduan dan sebarang permintaan untuk penggantian atau pertukaran Hadiah Peraduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan warna/saiz Hadiah Peraduan) tidak akan dilayan oleh HLB.

<u>CONTOH SENARIO</u>

4. Berikut menunjukkan contoh Tawaran yang diberikan:

Senario	Bulan Layak 1	Bulan Layak 2	Bulan Layak 3	Jumlah Pulangan Tunai Diperolehi	Bil pertama terkumpul bagi setiap Peniaga Ditetapkan	Kelayakan untuk menyertai Peraduan
A	✔ TNB = RM600 Pulangan Tunai = **RM60**	~~TNB = RM600~~ ✔ Digi = RM300 Pulangan Tunai = **RM30**	~~TNB = RM600~~ ~~Digi = RM300~~ Pulangan Tunai = **RM0**	RM90	RM600(TNB)+ RM300(Digi)= **RM900**	Ya
B	✔ TNB = RM1000 Pulangan Tunai = **RM100**	~~TNB = RM900~~ ✔ Digi = RM100 Pulangan Tunai = **RM0**	~~TNB = RM900~~ ~~Digi = RM100~~ Pulangan Tunai = **RM0**	RM100	RM1000(TNB) + RM100(Digi)= **RM1100**	Ya
C	✔ Maxis = RM250	~~Maxis = RM250~~	~~Maxis = RM250~~ ~~Astro = RM150~~			

	Pulangan Tunai = **RM25**	✔ Astro = RM150 Pulangan Tunai = **RM15**	✔ TNB = RM600 Pulangan Tunai = **RM60**	RM100	RM250(Maxis) + RM100(Astro) +RM600(TNB) = **RM1000**	Ya
D	✔ Maxis = RM250 Pulangan Tunai = **RM25**	~~Maxis = RM250~~ ✔ Astro = RM100 Pulangan Tunai = **RM10**	~~Maxis = RM250~~ ~~Astro = RM100~~ Pulangan Tunai = **RM0**	RM35	RM250(Maxis) + RM100(Astro) = **RM350**	Tidak

5. "Peniaga Ditetapkan" hendaklah merujuk kepada yang berikut:
   a) Maxis Berhad;
   b) Celcom Axiata Berhad;
   c) Digi.com Berhad;
   d) Astro Malaysia Holdings Berhad;
   e) Telekom Malaysia Berhad (TM),
   f) Tenaga Nasional Berhad.

6. "Auto-billing" adalah kemudahan pembayaran yang mengecaj bil Pemegang Kad kepada Kad HLB Kredit apabila tiba masanya.

AM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad:
   a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&C yang terkandung di sini;
   b) bersetuju bahawa Pemegang Kad HLB tambahan tidak berhak mendapat Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan. Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan diterima oleh Pemegang Kad tambahan, jika ada, akan diberikan/diserahkan kepada Pemegang Kad Utama HLB;
   c) bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang direkod oleh sistem HLB sepanjang Tempoh Kempen adalah tepat dan muktamad;
   d) bahawa keputusan HLB di atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad. Tiada rayuan dan/atau surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan;
   e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau seumpamanya;
   f) bersetuju bahawa HLB diberi kebenaran untuk mendedahkan butir-butir Peserta Layak (seperti nama, alamat, nombor telefon) kepada Dynamic Search dan/atau PCM untuk tujuan memenuhi Kempen ini;
   g) bersetuju bahawa HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah Peraduan kepada Pemenang Peraduan dan HLB tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah Peraduan yang

hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan dalam bahan atau mutu kerja oleh pengilang di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang Peraduan hendaklah, dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri, berurusan secara langsung dengan pembekal dan/atau pengilang bagi apa-apa aduan, pertikaian atau tuntutan berhubung dengan Hadiah tanpa merujuk kepada HLB;

h) bersetuju bahawa Hadiah Peraduan akan disediakan dalam keadaan "seperti sebagaiman adanya". Hadiah Peraduan dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Ganjaran dalam sebarang bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Ganjaran;

i) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C dan untuk memastikan mereka mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan kepada T&C; dan

j) bersetuju dengan penerbitan atau paparan nama, nombor Kad Pengenalan (dalam format terlindung) dan atau gambar dalam Laman Web HLB;

k) Bersetuju untuk berhubung dengan Peniaga Ditetapkan untuk terma dan syarat lanjut berhubung dengan Auto-Billing dan berhubung terus dengan Peniaga Ditetapkan mengenai apa-apa pertikaian atau isu-isu yang berkaitan dengan Auto-Billing tanpa merujuk kepada HLB.

8. HLB berhak untuk:

a) membatalkan mana-mana Pemegang Kad atas budi-bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;

b) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Kempen ini bagi apa-apa sebab sekalipun sebagaimana HLB atas budi bicara mutlaknya yang difikirkannya wajar;

c) melucutkan hak mana-mana atau semua Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan di dalam keadaan di mana terdapat ketidakpatuhan kepada T&C dan Perjanjian Pemegang Kad HLB yang terkandung di sini;

d) meminda jumlah Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan dan/atau menggantikan Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan yang terkandung di sini dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai yang sama atas budi bicara mutlaknya dengan cara mempamerkannya di Laman Web HLB atau apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh HLB, untuk memberi notis kepada Pemegang Kad ; dan

e) menambah, memadam atau meminda T&C yang terkandung di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknya, dengan cara mempamerkan di Laman Web HLB atau dalam apa-apa kaedah lain yang dianggap praktikal oleh HLB, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad terhadap apa-apa penambahan, pemadaman atau pindaan dalam T&C atau penamatan Kempen ini.

9. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh sekutu kad, rangkai niaga, pos atau mana-mana pihak yang boleh mengakibatkan Pemegang Kad digugurkan dari Kempen ini.

10. Pemegang Kad hendaklah menghubungi pusat panggilan HLB di 03-76268899 untuk sebarang pertanyaan dan perkara-perkara berkaitan Kempen.

11. Transaksi auto-billing haruslah berjaya dicajkan kepada Kad Kredit HLB Pemegang Kad dan mesti kekal aktif untuk sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas tamat Tempoh Kempen. Dalam keadaan di mana Pemegang Kad gagal untuk memenuhi syarat, HLB berhak untuk menarik balik jumlah Pulangan Tunai dan Hadiah Peraduan dengan mendebitkan jumlah Pulangan Tunai dan Peraduan Hadiah dari akaun Kad Kredit HLB Pemegang Kad yang khusus.

12. Akaun Pemegang Kad HLB mestilah sah/aktif, dalam keadaan baik dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini dan atau Perjanjian Pemegang Kad HLB pada masa pemberian Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Peraduan.

13. T&C yang terkandung di sini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.

14. T&C yang terkandung di sini dan terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&C ini dan terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB, T&C khusus di sini akan mengatasi sehingga tahap percanggahan tersebut.